

UNTUK SIARAN SEGERA



PERLANCARAN PROJEK STESEN KERETAPI SEGAMBU UTARA, MENINGKATKAN KETERSAMBUNGAN, MENGURANGKAN KESESAKAN LEMBAH KLANG

KUALA LUMPUR, 15 MEI 2026 – YB Menteri Pengangkutan hari ini telah menyempurnakan Majlis Peluncuran Stesen Keretapi Segambut Utara, sebuah projek bernilai lebih daripada RM39 juta yang dibangunkan bagi memperkukuh ketersambungan rangkaian pengangkutan awam serta mengurangkan kesesakan lalu lintas di Lembah Klang.

Turut hadir ialah YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) yang menyaksikan perasmian stesen baharu ini sebagai usaha berterusan Kerajaan dalam mempertingkatkan kecekapan dan keterhubungan sistem pengangkutan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Stesen yang terletak di antara Stesen Kepong dan Stesen Segambut ini dibangunkan melalui kerjasama strategik antara **Perbadanan Aset Keretapi (RAC)** selaku pemilik dan pengurus aset rel negara; anak syarikat milik penuh kepada UOA Development Berhad iaitu **IDP Industrial Development Sdn. Bhd.**, selaku pemaju projek United Point Residence yang terletak bersebelahan di Stesen Keretapi Segambut Utara; dan **Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)** sebagai pengendali operasi perkhidmatan rel.

Projek ini mencerminkan keberkesanan model kerjasama awam-swasta dalam pembangunan infrastruktur rel negara dengan RAC memainkan peranan utama dalam memastikan pematuhan terhadap piawaian teknikal dan keselamatan, di samping menjamin integrasi menyeluruh dengan sistem rel sedia ada bagi menyokong kelancaran operasi jangka panjang.

Stesen baharu ini yang terletak kira-kira 10 kilometer dari Stesen Sentral Kuala Lumpur, dijangka memberi manfaat kepada ratusan ribu penduduk sekitar Segambut dengan

UNTUK SIARAN SEGERA

menyediakan pilihan perjalanan harian yang lebih mudah, selesa dan efisien. Pembukaan stesen ini turut menjadi nilai tambah strategik kepada rangkaian KTM Komuter bagi laluan Tanjung Malim – Pelabuhan Klang, sekali gus memperkuat kesalinghubungan antara kawasan kediaman, pusat komersial dan hab pengangkutan utama di Lembah Klang termasuk Stesen Putra dan Stesen Bank Negara.

Stesen ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan moden yang menitikberatkan aspek keselesaan, kebolehcapaian dan keselamatan pengguna. (Maklumat terperinci mengenai kemudahan yang disediakan adalah seperti yang dinyatakan dalam lembaran fakta).

Sebagai galakan kepada orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam, **YB Menteri turut mengumumkan pemberian kemudahan parkir percuma selama tiga (3) bulan** di stesen ini sempena pembukaannya. Inisiatif ini dijangka dapat mengoptimumkan penggunaan fasiliti parkir sedia ada serta meningkatkan jumlah pengguna perkhidmatan rel di kawasan sekitar.

Dari aspek ketersambungan, stesen ini turut menyediakan akses terus ke rangkaian jalan utama serta integrasi dengan perkhidmatan bas dan teksi, sekali gus memudahkan akses kepada penduduk sekitar Segambut, Kepong, Mont Kiara dan Jinjang.

Bagi mengukuhkan lagi ketersambungan perjalanan *First-and-last-mile*, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memanjangkan perkhidmatan Bas GoKL 13 (MRT Jinjang-MATRADE) sedia ada ke Stesen Segambut Utara, berkuatkuasa 1 Jun 2026. Pemanjangan jajaran sepanjang 500 meter di sepanjang Jalan Udaya Gantung ini akan beroperasi setiap hari dari jam 6:00 pagi hingga 11:00 malam, menyediakan ketersambungan yang lancar bagi penumpang yang menggunakan stesen baru ini.

Dengan kapasiti sehingga 8,000 penumpang sejam bagi setiap arah pada waktu puncak, stesen ini diunjurkan mampu mengendalikan sekitar 580,000 penumpang setahun. Pembukaan stesen ini turut berpotensi memberi manfaat kepada kawasan tangkapan populasi seramai kira-kira 89,000 penduduk pada masa ini, yang dijangka meningkat melebihi 100,000 penduduk dalam tempoh akan datang.

UNTUK SIARAN SEGERA

Sepanjang tahun 2025, laluan KTM Komuter Tanjung Malim – Pelabuhan Klang telah merekodkan seramai 4.3 juta penumpang. Pembukaan Stesen Keretapi Segambut Utara dijangka menyumbang kepada peningkatan jumlah pengguna sehingga 2% dalam tempoh enam (6) bulan pertama pengoperasiannya.

Sementara itu, menurut RAC dan KTMB, projek ini merupakan hasil kerjasama strategik bersama IDP Industrial Development Sdn. Bhd. yang mencerminkan keupayaan kolaborasi sektor awam dan swasta dalam merealisasikan pembangunan infrastruktur rel yang memberi manfaat langsung kepada rakyat, di samping memastikan keberkesanan dan kelestarian operasi jangka panjang rangkaian rel negara.

15 MEI 2026

- TAMAT -

LEMBARAN FAKTA KEMUDAHAN STESEN KERETAPI SEGAMBUT UTARA

- **Kemudahan parkir dan aksesibiliti:** Menyediakan sebanyak 110 petak parkir kereta termasuk empat (4) petak parkir khas Orang Kurang Upaya (OKU) serta 50 petak parkir motosikal bagi memastikan kemudahan dan aksesibiliti yang lebih baik kepada semua pengguna.
- **Kemudahan pergerakan dan integrasi:** Menyediakan empat (4) lif, empat (4) eskalator dan empat (4) tangga serta jambatan pejalan kaki yang menghubungkan stesen ke United Point. Kemudahan ini turut merangkumi sambungan terus ke platform, laluan berbumbung ke hentian bas dan kawasan khas bagi aktiviti turun dan naik penumpang termasuk perkhidmatan *e-hailing*, di mana syarikat *Grab* telah menyediakan *Grab Stand* di stesen ini.
- **Kemudahan komersial:** Menyediakan enam (6) unit lot runcit merangkumi empat (4) lot di Platform 1 (pintu utama) dengan keluasan antara 27.04 hingga 27.52

UNTUK SIARAN SEGERA

meter persegi setiap satu, serta dua (2) lot “*dry retail*” di Platform 2 (bersambung ke United Point – pembangunan bercampur) dengan keluasan antara 27.80 hingga 28.20 meter persegi yang berpotensi menyokong aktiviti komersial dan kemudahan kepada pengguna stesen.

- **Keselamatan dan kemudahan mesra pengguna:** dilengkapi dengan sistem CCTV serta kemudahan mesra OKU termasuk jubin *tactile* bagi memastikan akses yang lebih selamat, selesa dan inklusif kepada semua pengguna.

PERTANYAAN MEDIA:

Muhammad Hazimin bin Sulaiman | Unit Hal Ehwal Korporat | Perbadanan Aset Keretapi

29-1 Sentral RAC, No 16, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur

(O) : 03-7459 0200 | hazimin.sulaiman@rac.gov.my | <https://www.rac.gov.my>

Nurul Asyura Abdul Rahman | Strategic Communications | Keretapi Tanah Melayu Berhad

KTMB Headquarters, Jalan Sultan Hishamuddin, 50621 Kuala Lumpur

(O) : 03-2263 1103 | nurulasyura@ktmb.com.my | <https://www.ktmb.com.my>

Jenny Leong | Corporate Communications | IDP Industrial Development Sdn. Bhd.

UOA Group, Vertical Corporate Tower B, Bangsar South City, 59200 Kuala Lumpur

(O) : 03-2245 9110 | jenny.leong@uoa.com.my | <https://www.uoa.com.my>